

Kosmo 21/05/2010 MS 29

PELBAGAI keperluan dan aksesori majlis perkahwinan disediakan di pusat sehenti di Hotel De Palma ini.

GAYA hiasan pelamin yang pelbagai konsep sedia memberi inspirasi kepada pelanggan khususnya bakal mempelai.

ONE STOP  
Wedding  
Centre

RASHID MAHFOF

# Pusat sehenti perkahwinan

PERSEDIaan IAAAN mendirikan mahligai perkahwinan bukan sahaja menuntut komitmen sepadu pasangan pengantin. Ia juga memerlukan bajet terutamanya bagi yang merancang untuk mengadakan majlis perkahwinan yang gilang gemilang.

Apabila memikirkan bajet yang tinggi itu, mungkin ramai pasangan baru dan kaum keluarga lebih cenderung mengadakan majlis tersebut sekadar di rumah ataupun dewan serba guna yang serba sederhana. Namun, ada juga yang berkemampuan dan bersedia mengatur persiapan perkahwinan di hotel-hotel.

Menyedari tuntutan itu, Hotel De Palma yang terletak di Shah Alam, Selangor

menawarkan pakej perkahwinan yang murah dan ideal sesuai dengan bajet serta cita rasa semua lapisan masyarakat. Setelah pembukaan dewan besar hotel itu pada hujung tahun lepas, tercetus idea untuk mendirikan pusat sehati perkahwinan bagi kemudahan masyarakat setempat.

Pembukaannya yang terbit daripada idea Pengurus Besar Kumpulan Rangkaian Hotel De Palma, Datuk Mohd. Ilyas Zainol Abidin, adalah satu-satunya hotel yang menyediakan khidmat pakar rundingan perkahwinan dalam sendiri serta menyediakan kemudahan setempat untuk segala keperluan bagi sesuatu majlis perkahwinan.

Menurut Pengurus Residen, Hanidah Shahril, pusat sehati perkahwinan itu menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan kerana dikendalikan oleh perunding perkahwinan yang berpengalaman. Segala tertib dan urusan atur cara akan dibimbing bermula daripada majlis pertunangan, akad nikah hinggalah kepada majlis resepsi.

"Bakal para pengantin dapat merealisasikan perkahwinan idaman mereka dengan pilihan pakej yang ditawarkan ini. Antaranya, Pakej Sumayyah, Sakinah, Mawaddah, Firdaus dan juga Adam dan Hawa.

"Kelima-lima pakej ini direka bagi melengkapkan permintaan daripada semua lapisan masyarakat pada harga yang bermula serendah RM35++ seorang

termasuk terma dan syarat yang ditetapkan," katanya kepada *Kosmo!*

Sejajar dengan pakej perkahwinan yang ditawarkan, hotel tersebut juga memperkenankan pakej akad nikah seperti Akad Nikah Sakinah, Mawaddah dan Firdaus. Kos bagi pakej itu bermula daripada RM4,000 sehingga RM8,000.

Berbeza daripada pakej perkahwinan, pakej akad nikah itu lebih menjurus kepada majlis tertutup yang dihadiri oleh ahli keluarga dan sanak saudara terdekat sahaja. Pakej yang dirangka itu amat berpatutan nilainya dan ideal untuk kapasiti hadirin seramai 50 orang.

Selain menekankan soal makanan yang

bakal menjamu para tetamu, kelima-lima pakej perkahwinan tersebut turut menitikberatkan aspek perkhidmatan lain seperti rekaan pelamin, bunga-bunga segar, hiasan meja, pintu gerbang, hantaran, laluan permaidani merah dan lain-lain lagi.

Hanidah memberitahu, bagi menghargai para pelanggan, pihak hotel turut menyediakan pakej hotel untuk setiap pakej perkahwinan yang dipilih. Ia merangkumi penyediaan bilik untuk pengantin, bilik bagi keluarga pengantin, penyediaan kek lima tingkat, susun atur meja pengantin dan sebagainya.

Kemudahan lain yang disediakan adalah perkhidmatan imam bagi majlis akad nikah, pembacaan doa dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan bagi menyerikan lagi majlis perkahwinan tersebut.

Baru-baru ini, perkhidmatan catering yang dilengkapi dengan peralatan kerusi meja, dome dan sebagainya turut menjadi pilihan mempelai.

Selain menjamin keselesaan para pelanggan, keenakan juadah yang disajikan pula dipastikan oleh pengendalian chef yang berpengalaman dari hotel tersebut.

Bagi mereka yang berminat, boleh hubungi perunding perkahwinan, Hussain Salleh di talian **012-642 7313** ataupun Pengurus Residen di talian **03-5542 8080** untuk mendapatkan sebut harga dan keterangan lanjut. - **JAGATHESWARY NARAYANAN**



ANTARA konsep rias yang dipamerkan.